



KENYATAAN MEDIA

CYBERJAYA

10 Oktober 2023

MCMC-MIV JALIN KERJASAMA BANTU MENINGKATKAN LITERASI DIGITAL DALAM KALANGAN GURU DAN PELAJAR

Bagi meningkatkan literasi digital serta pengetahuan guru dan pelajar berkaitan penggunaan ICT secara berhemah, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Malaysia ICT Volunteer (MIV) telah menganjurkan Bengkel MIV Bersama Sekolah 2023 Peringkat Negeri.

Sebanyak lima sesi bengkel telah dianjurkan di Kedah, WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Terengganu yang telah menarik penyertaan sebanyak 218 orang wakil yang terdiri daripada Guru Penyelaras ICT, Guru Pendidikan Khas, serta para pegawai daripada Jabatan Pendidikan Negeri.

Selain menggalakkan penggunaan ICT secara bertanggungjawab, bengkel-bengkel yang telah dianjurkan baru-baru ini mendedahkan para peserta tentang penggunaan ICT secara optimum. Sesi perkongsian turut menyentuh tentang kaedah melindungi diri daripada menjadi mangsa ancaman dalam talian.

Selain daripada sesi perkongsian inisiatif MCMC iaitu Klik Dengan Bijak (KDB), Kementerian Kesihatan Malaysia dan Polis Diraja Malaysia juga turut terlibat sebagai rakan strategik. Ringkasan Modul yang dikongsikan termasuk 'Impak Penggunaan ICT Terhadap Kesihatan' serta 'Penguatkuasaan Jenayah Siber di Malaysia' yang dilihat dapat memberi pendedahan kepada para guru yang terlibat dalam usaha mendepani penyalahgunaan ICT yang semakin mencabar pada masa kini.

Untuk rekod, sejak tahun 2016 hingga 2022, MCMC telah berjaya menganjurkan sebanyak 22 sesi Bengkel MIV Bersama Sekolah dengan penglibatan seramai 2,596 orang guru di seluruh negara. Bengkel MIV Bersama Sekolah adalah salah satu dari empat kumpulan fokus di bawah inisiatif MIV.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA

T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

